

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
BESTA MANUFACTURERS SDN. BHD.  
CHENDERING KUALA TERENGGANU

Oleh

NGOR SA'IDAH BINTI HARIS  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

01:2683

1100039356

LI 46 FPE 4 2005



1100039356

Laporan akhir latihan industri di APM Automotive Holdings Berhad, Seri Kembangan Selangor / Noor Sa'idah Haris.



**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039356		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

11  
16  
4  
2005

BESTA MANUFACTURERS SDN. BHD  
CHENDERING KUALA TERENGGANU

Oleh

NOOR SA'IDAH BINTI HARIS  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
PEMASARAN

Laporan Akhir Latihan Industri Diserahkan  
Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2005**

1100039356

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**


Dengan ini saya Noor Sa'idah Binti Haris, No. matrik UK 8839, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi(FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### **Tandatangan :**

**Nama : Noor Sa'idah Binti Haris**

**Tarikh : 30 November 2005**

**Disahkan Oleh :**



---

**Penyelia Kustem,  
B/P Pengerusi Latihan Industri,  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kustem**

WAN NORHAY  
Pe...  
Jabatan Peng...  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
KUSTEM

## PENGHARGAAN

*Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang*

Alhamdulillah, bersyukur ke Hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Mu, maka laporan bagi latihan industri ini dapat disiapkan dengan sepenuhnya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W), keluarga baginda, para sahabat, para pejuang agama yang masih hidup atau yang telah gugur syahid di jalan Allah.

Setinggi- tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pn. Wan Norhayati , Pensyarah Jabatan Pemasaran selaku Penyelia bagi latihan industri ini. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, dan bimbingan dengan sabar, tekun dan dedikasi sehingga laporan ini dapat disempurnakan dengan bentuk yang seadanya. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan keberkatan hidup kepada beliau. Jasa beliau sentiasa dikenang.

Selain itu, ucapan penghargaan ini turut ditujukan kepada semua pensyarah dan kakitangan Jabatan Pengurusan dan Pemasaran yang secara langsung dan tidak langsung turut sama membantu dari segi sumbangan idea, maklumat, dorongan dan penyediaan kemudahan. Tidak dilupakan kepada En. Rusdi, Penyelaras Latihan Industri bagi Program Pemasaran yang tidak jemu menjawab sebarang persoalan yang ditujukan tanpa mengira masa dan ketika.

Tidak lupa juga kepada bonda tersayang, Pn. Kalsom binti Mohamad yang tidak jemu melayan karenah anaknya ini dalam menyiapkan laporan ini. Begitu juga kepada abang dan adik yang memahami diri ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada kalian. Selain itu ribuan terima kasih kepada semua kakitangan BESTA Manufacturers terutama kepada Pn. Sh. Zakiah dan Cik Norasliza serta Encik Othman Yeop di atas segala ajaran dan ilmu yang telah diberi sepanjang menjalani latihan industri di sana. Segala bantuan pihak tuan amat dihargai.

Akhir kata, segala yang baik datangnya dari Allah dan segala yang buruknya adalah kelemahan diri sendiri. Hanya Allah yang dapat membalas segala jasa kalian dalam menyiapkan laporan ini. *Amin.*

## SENARAI ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	
Senarai Jadual	
Senarai Rajah	
Ringkasan Eksekutif	
<b>BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI</b>	
1.1 Latar Belakang Organisasi/ Syarikat	1
1.1.1 Logo Syarikat	4
1.1.2 Matlamat Syarikat	5
1.1.3 Visi Syarikat	5
1.1.4 Tumpuan Pasaran	6
1.2 Maklumat Organisasi/Syarikat	7
1.3 Carta Organisasi	9
1.3.1 Bahagian Pentadbiran	10
1.3.2 Bahagian Kawalan Mutu	11
1.3.3 Bahagian Pengeluaran	12
1.3.4 Bahagian Penstoran	12
1.4 Aktiviti Organisasi	15
1.4.1 Aktiviti Pengeluaran	15
1.4.2 Aktiviti Penjualan	15
1.4.3 Aktiviti Penghantaran	16
1.5 Kemahiran yang ingin dicapai	17

## **BAB 2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENALPASTI MASALAH, DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

	Muka Surat
2.1 Sistem Operasi Pengeluaran	19
2.1.1 Sistem Sedia Ada	23
2.1.2 Pengenalpastian Masalah	28
2.1.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	29
2.1.4 Cadangan Penyelesaian	30
2.1.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	31
2.2 Sistem Pembungkusan	32
2.2.1 Sistem Sedia Ada	32
2.2.2 Pengenalpastian Masalah	36
2.2.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	36
2.2.4 Cadangan Penyelesaian	37
2.2.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	38
2.3 Sistem Kawalan Mutu dan Kualiti	39
2.3.1 Sistem Sedia Ada	42
2.3.2 Pengenalpastian Masalah	50
2.3.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	51
2.3.4 Cadangan Penyelesaian	51
2.3.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	52
<b>BAB 3 PENUTUP</b>	
3.1 Kesimpulan	53
<b>RUJUKAN</b>	55
<b>LAMPIRAN</b>	56



## SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 1: Senarai Pemegang Saham	8
Jadual 2: Peralatan digunakan di makmal kawalan mutu	11
Jadual 3: Tugas dan Peranan Utama	14
Jadual 4: Kemahiran yang Ingin Di Capai	18
Jadual 5: Peralatan yang digunakan	20
Jadual 6: Formula Penghasilan Sos Tomato	25
Jadual 7: Perincian Ujian	41
Jadual 8: Kriteria Pemeriksaan Bahan Mentah dan Pembungkusan	44
Jadual 9: Kriteria Pemeriksaan Bahan Dalam proses	46
Jadual 10: Tindakan Pembetulan Ketidaktertuan	49

## SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 1: Logo Besta Manufacturers Sdn. Bhd.	4
Rajah 2: Carta Organisasi Besta Manufacturers Sdn. Bhd.	9
Rajah 3: Proses Penghasilan Sos Tomato	27
Rajah 4: Proses Pembungkusan	34
Rajah 5: Peringkat Pemeriksaan Kawalan Mutu	40
Rajah 6: Proses Pemeriksaan Kawalan Mutu Bahan Mentah dan Pembungkusan	43
Rajah 7: Proses Pemeriksaan Bahan dalam Proses	45
Rajah 8: Proses Kawalan Mutu dan Kualiti Produk siap	48

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi adalah diwajibkan menjalani latihan industri selama 12 minggu. Pelatih telah memilih organisasi pengeluaran iaitu BESTA MANUFACTURERS SDN.BHD. yang beribu pejabat di Chendering, Kuala Terengganu sebagai tempat untuk menjalani latihan industri. Besta Manufacturers merupakan salah sebuah syarikat bertaraf Bumiputera yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan basah seperti sos cili dan tomato, kicap pekat dan cair serta sos tiram. Syarikat ini membekalkan barang kepada pasaraya- pasaraya berdekatan dan juga untuk kontrak kerajaan sebagai tender.

Selama menjalani latihan di syarikat terbabit, pelatih telah diberikan tunjuk ajar dan pendedahan mengenai operasi dan pentadbiran sesebuah syarikat pengeluaran berstatus Bumiputera. Sepanjang latihan ini juga, pelbagai pendekatan telah dipraktikkan agar segala tugas yang diberikan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Penyelia industri telah menempatkan pelatih di bahagian pemasaran dan pentadbiran serta bahagian operasi pengeluaran. Pelatih dapat mengaplikasikan bidang pengajian kepada bidang pekerjaan terutama cara bagaimana berhadapan dan berinteraksi dengan pelanggan, mempromosikan produk dan bagaimana sesuatu produk dapat dihasilkan.

Sepanjang latihan industri, pelatih telah membuat pemerhatian dan mengesan sistem sedia ada yang terdapat di cawangan ini. Penemuan pertama melibatkan bahagian pengeluaran produk iaitu pengeluaran produk tidak memenuhi permintaan dan kekurangan produk siap. Syarikat diharapkan lebih peka dengan jadual pengeluaran dan mengeluarkan produk mengikut jadual dan permintaan pelanggan di dalam membangunkan objektif dan matlamat syarikat.

Penemuan kedua ialah, bahagian pembungkusan di mana dari pemerhatian kasar yang telah dibuat, dapat dilihat bahagian pembungkusan tidak berjalan dengan lancar di dalam setiap pengeluaran.

Dan penemuan ketiga ialah, bahagian kawalan mutu dimana setiap pengeluaran akan melalui pemeriksaan daripada Pegawai Kawalan Mutu sebelum di simpan ke dalam gudang peyimpanan. Namun masih lagi terdapat masalah di bahagian ini di mana produk yang dihasilkan tidak mengikut piawaian yang telah di tetapkan.